

## EPILOG HUKUMAN MATI KE ATAS SADDAM HUSSEIN

[SN 104] Lebih kurang dua minggu lepas, kita menyaksikan episod akhir dari salah satu babak permainan Amerika Syarikat (AS) ke atas mangsanya. Kita dipertontonkan dengan satu peristiwa yang berlaku di bumi Iraq di pagi 'Idul Adha. Hingga ke hari ini, apa yang telah berlaku di subuh hari itu masih lagi hangat diperbincangkan. Ya, peristiwa yang dimaksudkan adalah hukuman gantung ke atas bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein. Banyak persoalan yang boleh dikupas berkaitan dengan hukuman ke atas Saddam itu. Kepelikan prosiding kehakiman dan proses pelaksanaan hukuman yang nampak begitu tergesa-gesa telah menimbulkan banyak tanda-tanya dan syak wasangka akan niat sebenar penggantungan Saddam. Meningkatnya kesedaran dunia akhir-akhir ini terhadap pembohongan Bush dan Blair untuk menghalalkan tindakan ketenteraan mereka ke atas Iraq telah menyebabkan teori-teori konspirasi yang dahulunya diperlekehkan kini semakin mendapat perhatian, *hatta* oleh mereka yang jahil sekalipun.

Saddam Hussein telah berjaya dihapuskan. Persoalan seterusnya ialah, siapakah yang akan dipermainkan-mainkan oleh Barat berikutnya. Yang pasti, mangsa yang paling enak ialah pemimpin umat Islam yang telah lama 'dipelihara'nya dan sudah sampai masa untuk dijadikan korban. Sautun Nahdhah pada minggu ini ingin mengajak para pembaca untuk menilai peristiwa penggantungan Saddam Hussein ini agar kita semua sedar akan punca kepada semua ini dan kita dapat menyelamatkan pemimpin yang akan datang khasnya dan umat Islam amnya dari menjadi mangsa yang seterusnya.

### Perbicaraan Saddam – Apa Yang Tak Kena?

Sekiranya kita teliti intipati-intipati perbincangan berkaitan dengan peristiwa ini, kita akan dapati bahawa antara topik pembahasan berkisar samada perbicaraan Saddam adalah adil atau tidak, adakah ia hanya sebuah sandiwara, adakah Saddam akan dibalas setimpal dengan kekejamannya dahulu, apakah hukuman ke atas Saddam akan membawa kebaikan kepada Iraq selepas ini atau tidak. Pendek kata, perbincangan hanya tertumpu di sekitar status kesalahan Saddam dan status kesan hukuman ke atas Saddam. Walau apa pun yang diperkatakan, hukuman gantung di pagi 'Idul Adha tersebut ternyata telah menjadi penamat kepada perbicaraan buat Saddam.

Kekejaman pemerintahan Saddam Hussein memanglah tidak dapat disangkal kecuali oleh mereka yang buta politik sahaja. Beribu umat Islam di Iraq telah menjadi mangsa pembunuhan kejam rejimnya. Bukan setakat Syiah yang amat dibencinya sahaja dibunuh, malah golongan Sunni pun turut dibunuh oleh Saddam dengan kejam. Semasa Saddam memerintah, peristiwa pembunuhan kejam ini tidak mendapat perhatian dunia, apatah lagi dunia Islam. Saddam sebaliknya digambarkan sebagai seorang hero dan banyak berjasa. Banyak negara menjalin hubungan diplomatik dengan bekas pemimpin Iraq ini. Istilah 'diktator' sendiripun tidak dilekatkan kepada Saddam oleh media dunia. Ini mungkin kerana AS tidak menggelarnya sebagai diktator, maka dunia pun berbuat demikian, sebagaimana sekarang, apabila AS menggelarnya 'bekas diktator', maka dunia pun turut memberikan label yang sama. Sama seperti sekarang di mana pemimpin penyembelih umat Islam seperti Islam Karimov

(Uzbekistan), Muammar Gadafi (Libya), Hosni Mubarak (Mesir), Perves Musyaraf (Pakistan) dan ramai lagi yang belum dicop oleh Barat sebagai 'diktator', maka dunia pun tidak menganggap mereka sebagai diktator. Walhal, bagi yang mempunyai kesedaran politik, nama-nama di atas adalah manusia-manusia keji diktator talibarut AS dan merupakan pembunuh umat Islam yang sudah tidak asing lagi. Mereka adalah golongan yang bersekongkol dengan AS di dalam menangkap, memenjarakan, menyiksa dan membunuh umat Islam yang tidak sehaluan dengan mereka.

Begitu juga dengan kekejaman dan kediktatoran Saddam Hussein yang sebenarnya tidak dapat dipisahkan dengan AS. Di dalam perbicaraan yang berlangsung ke atas Saddam dan orang-orangnya, ia bertumpu di sekitar

### ::: SEMINAR HIJRAH :::

#### “HIJRAH : Titik Mula Islam Sebagai Tamadun Baru Dunia”

Tarikh :

20 Januari 2007, Hari Sabtu  
 8:30 pagi - 1:00 Tengah Hari

Tempat :

Dewan Abd Jalil Hassan, Masjid  
 Kolej Islam Malaya, Seksyen 16,  
 Petaling Jaya, Selangor.

**Muslimin & Muslimat dijemput Hadir**

peranan mereka dalam pembunuhan orang-orang yang tidak bersalah, seolah-olah Saddam Hussein tidak pernah melakukan kesalahan lain. Di sepanjang pemerintahannya, Saddam telah melakukan pembunuhan massal ke atas musuh politiknya, namun begitu tidak ada pertuduhan yang dikemukakan menyentuh persoalan senjata yang telah digunakan bagi pembunuhan besar-besaran ini dan dari mana atau bagaimana senjata-senjata tersebut telah diperolehi oleh Saddam.

Perbicaraan terhadap Saddam juga telah terlepas pandang akan hubungan erat beliau dengan kerajaan-kerajaan dan syarikat-syarikat Barat di sepanjang pemerintahan ganasnya. Perbicaraan yang berlaku gagal memeriksa pembelian senjata yang telah digunakan oleh Saddam untuk membunuh rakyatnya daripada syarikat-syarikat Barat, sokongan yang telah diberikan Barat terhadapnya dalam perang dengan Iran pada 1980-an, perjumpaan-perjumpaan dengan orang-orang kenamaan Barat serta persahabatan erat antara rejim Saddam dan Donald Rumsfeld serta pentadbiran Amerika yang berlanjutan walaupun selepas peristiwa pembunuhan di Halabjah pada tahun 1988.

Tiadaanya pertuduhan dan pembongkaran peranan Barat dalam 'mengasuh dan bekerjasama' dengan Saddam adalah satu penghinaan dan ketidakadilan buat mangsa-mangsa di Dujail, Halabjah dan di seluruh Iraq serta pengkhianatan buat masyarakat dunia secara amnya. Ini kerana, Barat sentiasa mencanangkan bahawa hukuman terhadap Saddam adalah satu keadilan yang mahu diberikan Barat buat rakyat Iraq walhal realitinya merekalah yang telah bersekongkol dengan Saddam sewaktu kekejaman-kekejaman tersebut dilakukan. Perbicaraan dan hukuman yang telah dijatuhkan hanyalah satu permainan yang digunakan oleh Barat untuk menutup semua rekod hitam hubungan mereka dengan Saddam di masa lampau.

Umat Islam patut merasa lebih terhina lagi kerana Bush dan Blair, yang bertanggungjawab terhadap kematian lebih 650,000 rakyat awam yang tidak berdosa di Iraq sepanjang serangan dan penaklukan mereka di tanah bekas pusat pemerintahan Khilafah Abbasiyah itu, terus bebas tanpa dihadapkan ke muka pengadilan biarpun telah terang lagi nyata bahawa mereka telah berbohong menceroob Iraq menggunakan alasan '*Weapon of Mass Destruction*' (WMD). Tambahan lagi, banyak bukti dan saksi menunjukkan bahawa tentera AS dan sekutu mereka telah bertindak kejam melampaui batas-batas kemanusiaan ke atas umat Islam di Iraq. Semua ini seperti telah tertutup dengan terheretnya Saddam ke Mahkamah.

### **Keadilan Demokrasi -vs- Keadilan Islam**

Setelah gagal membuktikan wujudnya WMD, AS cuba mengalihkan perhatian dunia bahawa mereka memasuki Iraq bagi menghapuskan pemerintahan diktator Saddam Hussein. Perbicaraan ke atas bekas Presiden Iraq ini dibuat atas nama keadilan. Kononnya untuk keadilan ke atas rakyat Iraq yang selama ini dizalimi dan ditindas oleh

seorang diktator. Seterusnya, bagi membuktikan 'niat baiknya' itu, AS menunjukkan kepada dunia bahawa mereka akan memastikan wujudnya sebuah Sistem Demokrasi bagi menjamin keadilan di Iraq. Maka, atas kesungguhan ingin melaksanakan Sistem Demokrasi inilah AS dapat mencapai cita-citanya dengan terus kekal berada di Iraq dan pada masa yang sama, dapat melantik bonekanya, yang akan memerintah dengan Sistem Demokrasi yang dilaungkannya. AS telah lama 'berjuang' menegakkan Demokrasi di bumi umat Islam kerana mereka tahu bahawa perjuangan ini (menegakkan Demokrasi) adalah perjuangan yang mendapat tempat di hati sebahagian besar pejuang Islam itu sendiri. Selalunya Barat akan berakhir dengan kejayaan, kemudian kejayaan ini dikongsi dan ditepuk tangan oleh umat Islam kerana dihadiahkan dengan sebuah Demokrasi. Inilah apa yang telah berlaku di Afghanistan dan sekarang drama yang sama dapat dilihat di Iraq.

Umat Islam merasakan bahawa mereka akan mendapat sebuah keadilan apabila Sistem Demokrasi yang memerintah. Ini kerana segala undang-undang diputuskan secara majoriti dan keputusan ditentukan oleh rakyat, bukannya oleh seorang diktator. Sebab itulah, setengah pihak amat berpuas hati apabila diktator seperti Saddam Hussein berjaya diheret ke Mahkamah, yang mana ini tidak akan berlaku di dalam sebuah pemerintahan yang berkuku besi. Sekali fikir, kejadian ini nampak baik, tetapi sebagai umat Islam, kita wajib berfikir dan bertanya, adakah Mahkamah yang membicarakan Saddam itu adalah Mahkamah *Madzalim* (Mahkamah Islam yang membicarakan persengketaan antara pemerintah dan rakyat)? Adakah Saddam dibicarakan di bawah Undang-Undang Islam atau undang-undang kufur? Jika dia dihukum bunuh, adakah dia dihukum berdasarkan *Qisas* dari Kitabullah atau hukum bunuh yang diluluskan oleh manusia berdasarkan suara majoriti?

Kita juga perlu bertanya, apakah kita akan berpuas hati jika Saddam dihukum gantung bukan pada hari 'Idul Adha? Atau adakah kita akan berpuas hati dan merasakan keadilan telah dicapai jika Saddam dibicarakan oleh *International Criminal Court* (ICC) atau *International Court of Justice* (ICJ) di bawah tajaan PBB? Umat Islam melakukan kesilapan besar jika mengatakan 'ya' pada persoalan di atas, kerana jelas kedua-duanya berada di bawah organisasi kufur dan akan menjalankan perbicaraan mengikut undang-undang kufur antarabangsa. Apa yang wajib difahami oleh umat Islam adalah tidak akan ada keadilan pada undang-undang kufur ciptaan manusia walau ia dibuat oleh suara majoriti sekalipun. Keadilan yang sebenar hanya akan dapat dicapai apabila kita berhukum dengan hukum Allah, walaupun majoriti manusia tidak bersetuju. Hukum Allah bukan tunduk kepada keputusan majoriti!!! *Na'uzubillah min zalik*.

Apakah kita akan mengatakan bahawa hukuman denda maksima RM5,000 kepada penzina adalah undang-undang Islam yang adil kerana diluluskan oleh majoriti manusia di

Parlimen? Apakah hukuman penjara 7 tahun, atau jika diberatkan kepada 30 tahun sekalipun ke atas pencuri itu akan membawa keadilan, kerana telah dipersetujui oleh majoriti di Parlimen, walhal ini jelas-jelas bertentangan dengan hukum Allah? Apakah kita juga akan turut mengatakan bahawa syarat-syarat poligami yang ketat yang dikenakan oleh Mahkamah adalah adil kerana telah diluluskan oleh majoriti manusia di Dewan Undangan Negeri, walhal syarat-syarat tersebut tidak ada di dalam Kitab Allah dan Sunnah RasulNya? Apakah kita akan mengagungkan pendapat aqal kita dari hukum yang telah Allah tetapkan? Inilah natijah dari Sistem Demokrasi yang diambil oleh umat Islam. Hak untuk membuat hukum berada di tangan manusia dan hukum Allah hanya diimani dari segi wujudnya, bukan dari segi perlaksanaannya.

Inilah yang membinasakan dan menghinakan umat Islam. Mereka mencari keadilan dari Demokrasi, bukannya dari hukum Allah. Mereka terperangkap di dalam laungan dan agenda Demokrasi yang dibawa oleh Barat di mana mereka turut bermati-matian berjuang untuk meraih sebuah Demokrasi, yang kononnya akan membawa keadilan kerana segala pemerintahan dan undang-undangnya adalah dari rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat. Mereka lupa bahawa hukum Allah tidak tunduk kepada kehendak rakyat, tetapi rakyatlah yang wajib tunduk patuh kepada hukum Allah. Mereka lalai bahawa jika mereka berjaya sekalipun dengan perjuangan Demokrasi, AS pasti tidak akan melepaskan mereka, sebaliknya AS akan pastikan bahawa Demokrasi yang diamalkan adalah sesuai dengan agenda dan kehendak mereka (Barat). Sedarlah wahai kaum Muslimin!

Sesetengah pemimpin merasakan bahawa mereka mulia dan selamat bilamana berada di bawah ketiak Amerika, walhal pada hakikatnya mereka berada di dalam keadaan hina dan musuh Allah ini tidak pernah menjamin keselamatan mereka. AS hanyalah sebuah negara Kapitalis yang hanya akan mementingkan diri sendiri dan akan menghapuskan siapa sahaja yang tidak sehaluan dengan mereka atau sudah tidak berguna kepada mereka. Lihat sahajalah nasib Saddam Hussein yang dahulunya ditatang bagai minyak yang penuh oleh British, kemudiannya Amerika dan kini, apabila dia tidak lagi berguna kepada kepentingan Barat, menjadi korban di subuh 'Idul Adha. Ingatlah wahai kaum Muslimin, kemuliaan itu hanyalah milik Allah dan hanya kepadaNya kita wajib mencari perlindungan, bukan kepada selainNya, apatah lagi musuhNya. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman,

*“Apakah mereka mencari kemuliaan di sisi orang-orang kafir itu? Maka sesungguhnya segala kemuliaan itu adalah kepunyaan Allah” [TMQ an-Nisa' (4):139].*

*“(iaitu) orang-orang (yang mentaati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang-orang yang mengatakan: ‘Sesungguhnya manusia (yakni Quraisy) telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka’, maka perkataan itu menambahkan keimanan mereka dan mereka*

*menjawab: ‘Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung’ [TMQ Ali Imran (3):173].*

## Percaturan Politik Barat Di Timur Tengah

Sebagai sebuah negara pengamal Ideologi Kapitalis, negara-negara Barat kolonialis seperti Britain, Amerika Syarikat atau Perancis tidak pernah menghentikan strategi kolonialisasi mereka yang berobjektif meraih kepentingan politik dan ekonomi masing-masing. Justeru, penjajahan adalah suatu yang perlu dilakukan oleh mereka dalam mencapai cita-cita untuk mendapatkan sebanyak mungkin manfaat, sesuai dengan Ideologi yang mereka anuti. Bagi negara penganut Ideologi kotor ini, konsep halal dan haram tidak ada di dalam kamus hidup mereka, begitu juga dengan dosa dan pahala. Jika mereka perlu berbunuh-bunuhan untuk mencapai manfaat, maka mereka akan lakukan. Apatah lagi jika yang hendak dibunuh itu adalah umat Islam. Jadi tidak hairanlah apabila kita menyaksikan negara-negara kafir Barat ini berebut agar dapat menguasai negeri-negeri kaum Muslimin yang penuh dengan kekayaan alam. Mereka cukup sedar akan keuntungan yang bakal diperolehi dengan kejayaan mereka menguasai samada pemimpin kaum Muslimin mahupun negeri mereka secara langsung.

Sejak kejatuhan Khilafah Utsmaniah, kita melihat bahawa kuasa-kuasa Barat telah berebut-rebut untuk menguasai Timur Tengah kerana potensi yang cukup besar terdapat di sana. Antara kelebihan strategik bagi mereka yang dapat menguasai Timur Tengah adalah penguasaan ke atas Terusan Suez yang menjadi laluan penting bagi kapal-kapal dagangan antarabangsa. Kedua, kerana Timur Tengah adalah wilayah yang mempunyai simpanan minyak yang amat besar. Dalam perebutan ini, AS berjaya menjadikan Arab Saudi tunduk menyembah kepada mereka. Begitu juga dengan Mesir, Libya, Jordan dan beberapa negara yang lain. Amerika tidak lagi perlu risau tentang kesetiaan boneka-boneka ini. Iraq walau bagaimanapun, diperintah oleh Saddam Hussein yang terkenal dengan Parti Ba'ath berideologikan Sosialis, yang mana menjadi musuh kepada Ideologi Kapitalis yang dibawa oleh AS. Sebagai negara yang mempunyai simpanan minyak kedua terbesar dunia, tentunya Iraq tidak boleh dibiarkan begitu sahaja oleh AS.

Iraq menjadi rebutan apabila kuasa-kuasa kolonial ini mula menyedari bahawa bumi Iraq merupakan sumber minyak mentah utama dunia. Pada tahun 1998, kajian telah menunjukkan bahawa Iraq mempunyai kadar simpanan minyak yang mampu bertahan selama lebih kurang 142 tahun mengikut kadar pengeluaran sedia ada. Simpanan minyak Iraq pula adalah di paras kedua selepas Arab Saudi iaitu di paras 115 bilion tong. Pada masa yang sama, Amerika dan United Kingdom sedang berada dalam keadaan tertekan apabila simpanan minyak mereka masing-masing hanya mampu bertahan selama sekitar 7 dan 5 tahun sahaja. Oleh itu, Iraq tidak boleh dilepaskan begitu sahaja. Maka, bumi Iraq menjadi rebutan seterusnya

dan saat ini kita sedang menyaksikan manifestasi dari kerakusan penganut Ideologi ini di sana.

Wahai kaum Muslimin! Tanah-tanah di Timur Tengah menjadi saksi terhadap segala kejahatan, kebiadaban dan pembunuhan Barat ke atas umat Islam. Langitnya pula menjadi saksi akan pengkhianatan pemimpin-pemimpin umat Islam yang bersekongkol dengan kejahatan dan pembunuhan yang berlaku. Anehnya, pemimpin umat Islam yang lain, walaupun bersaksikan mata kepala sendiri akan segala kedurjanaan Barat ke atas umat Islam, tetap memuja, menghormati dan menyanjung Barat. Mereka tetap duduk semeja, berjalan seiring, berjabat tangan sambil tersenyum dengan Bush dan Blair. Mereka tetap menjaga rapi kedutaan AS dan Britain di negara masing-masing, malah diperketat keselamatannya setiap masa. Mereka tetap akan menyambut Bush dengan sambutan dan penjagaan keselamatan yang amat luarbiasa jika Bush datang ke negara mereka, seperti apa yang kita lihat di Indonesia baru-baru ini. Tak mustahil, jika Bush datang ke Malaysia pun, sambutan yang sama, malah mungkin lebih hebat akan dilakukan, sebagaimana kedatangan Condoleeza Rice tidak lama dulu, yang disambut dengan permaidani merah. Sungguh aneh apabila menyaksikan pemimpin kaum Muslimin menjaga rapi akan musuh-musuh Allah ini.

Di sebalik segala kejahatan yang jelas dilakukan oleh Bush dan Blair dan juga kecaman serta kutukan oleh pemimpin Islam kepada pentadbiran Bush di dalam kes penggantungan Saddam Hussein, pada masa yang sama kita masih menyaksikan kata-kata Bush dipegang erat dan ditaati oleh pemimpin Islam. Kata-kata *“Either you are with us or with the terrorist”* dan slogan *“war against terrorisme”* – masih mengawal dan mencengkam erat pemikiran pemimpin umat Islam. Kalimah ‘pengganas’ terus bermain di bibir setiap pemimpin dan menjadi agenda perjuangan mereka untuk menghapuskan mana-mana gerakan Islam atas nama ‘keganasan’. Setiap hari mereka dihantui oleh perasaan bahawa setiap gerakan yang tidak sehaluan dengan kehendak mereka adalah pengganas atau berpotensi untuk menjadi pengganas atau mencetuskan keganasan. Pendek kata, kalimah ‘pengganas’ ini senantiasa menjadi mimpi ngeri dan ketakutan dalam hidup mereka. Inilah di antara kejayaan Bush yang dapat kita saksikan sehingga ke saat ini.

### Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Kita semua setuju bahawa jika Saddam Hussein dibicarakan dan dihukum gantung di atas kekejaman yang dilakukannya, Bush dan Blair juga patut menerima hukuman yang sama. Dalam masa yang sama, kita seharusnya tidak lupa bahawa masih ramai pemimpin umat Islam yang bersekongkol dengan Barat di dalam memerangi kaum Muslimin. Kita juga seharusnya

jangan lupa kejahatan dan kebrutalan pemimpin Israel dan tentera-tentera mereka. Semua ini memerlukan perbicaraan dan hukuman yang setimpal. Persoalannya, jika kita ingin mengheret Bush dan Blair ke muka pengadilan, siapakah yang sanggup berbuat dan akan berbuat demikian? Raja Abdullah, Hosni Mubarak, Musharaf, Muammar Gadafi atau Bambang Yudhoyono? Apakah kita mengharapkan pemimpin umat Islam hari ini yang akan berbuat demikian? Beranikah mereka? Apakah kita mengharapkan PBB yang akan melakukannya atau kita menaruh harapan dan yakin bahawa OIC-lah yang akan mengheret para penjenayah ini?

Wahai kaum Muslimin! Kita yakin bahawa satu-satunya ‘orang’ yang akan membawa dan menghukum para pengganas dan penjenayah ini, tak lain tak bukan adalah Khalifah! Hanya Khalifahlah yang akan berbuat demikian. Khalifahlah yang akan menghukum mereka berdasarkan hukuman Allah, sebagaimana Rasulullah dan para Khalifah terdahulu yang menghukum semua musuh-musuh Allah dengan ketetapan dari Rabb mereka. Tanpa Khalifah, seruan untuk membawa Bush dan Blair ke muka pengadilan hanya tinggal seruan dan laungan, ibarat anjing menyalak bukit. Justeru, kami menyeru kepada mereka yang cintakan Allah dan RasulNya serta mahu melihat musuh-musuh Allah ini mendapat balasan mereka, agar bersama-sama berjuang untuk menegakkan Daulah Khilafah dan melantik seorang Khalifah yang akan menamatkan segala penderitaan yang telah lama ditanggung oleh kita semua.

Wahai kaum Muslimin yang dimuliakan! Saksikanlah bahawa musuh sebenar kalian adalah Barat dan pemimpin-pemimpin kalian yang menjadi boneka mereka. Bangkitlah, bersatulah dan berjuanglah untuk menghadapi musuh-musuh kalian ini. Ketepikanlah segala persengketaan sesama sendiri, fitnah-memfitnah, benci-membenci, hasad dengki dan segala iri hati yang ada. Sudah sampai masanya untuk kita bergabung melaksanakan kewajipan yang telah lama tergendala ini. Serulah kepada anak-anakmu, ibu-bapamu, saudara-saudaramu, sahabat handaimu serta penguasa-penguasa di kalangan kamu agar bersatu menegakkan Daulah Khilafah *‘ala minhaj nubuwwah*. 1428 Hijrah yang akan menjelma dan Tahun Melawat Malaysia 2007 adalah peluang baik yang diberikan kepada umat Islam di Malaysia kerana pada tahun ini, kita berpeluang bertemu dengan saudara-saudara kita dari serata dunia yang datang untuk melawat ke negara ini. Gunakanlah kesempatan berharga ini untuk membuang segala dogma-dogma kuno yang telah memecah-belahkan kita. Berbincanglah dengan mereka yang datang, sampaikanlah dakwah penyatuan kepada mereka agar dengan usaha kita, idea penyatuan umat Islam seluruh dunia tidak lagi hanya menjadi teori yang sedap didengar tetapi menjadi satu kenyataan yang tidak dapat dimungkiri lagi. Insyaa Allah. ALLAHU AKBAR!